

# Mahasiswa UTHM cungkil bakat olahraga pelajar sekolah menengah



**BAKAT.** Seramai 200 peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah dari seluruh negeri Johor menyertai program Kejohanan Relay Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan oleh mahasiswa UTHM daripada kursus olahraga balapan dengan kerjasama pihak Jabatan Pendidikan negeri.

Pengarah program, Mohd. Shahrulnizam Zamjuri berkata, penganjuran kejohanan itu adalah untuk mencungkil bakat pelajar sekolah dalam sukan olahraga.

Menurutnya, antara acara yang dipertandingkan ialah lari berganti 4x100 dan 4x400 meter lelaki dan perempuan.

"Kejohanan ini merupakan platform untuk menggilap bakat pelajar-pelajar sekolah menjadi seorang atlet," katanya.

SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan selepas program Kejohanan Relay UTHM di Batu Pahat, Johor baru-baru ini.